

MINIT MESYUARAT PANITIA Bil 1 BAHASA MELAYU SK LAMPADA

TARIK: 10/04/2024

MASA: 1.00pm

HARI: RABU

TEMPAT: BILIK GURU

KEHADIRAN:

1. EN. BANI IMRAN BIN BANI AMIN (PK 1)
2.) EN. JESSONLEY BIN KUMPIT (KETUA PANITIA B. MELAYU)
3.) EN. MELVY BOSUD (GURU B, TAHUN 6)
4.) PN. WILMA DONA SALIM (GURU TAHUN 1)
5.) EN. SUPIAN (GURU BM TAHUN 3)
6.) PN. NURUL MAYA (GURU BM TAHAP 2)

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1	<p>AGENDA 1. UCAPAN GURU BESAR/ PK 1</p> <p>1.1 Ucapan tahniah atas kehadiran mesyuarat panitia. Adalah diharapkan segala rancangan panitia adalah menjerus kepada kemnjudian murid.</p> <p>1.2 Segala yang telah ditakwimkan perlu dilaksanakan bagi memastikan peranan panitia dalam pembangunan kurikulum murid.</p>	Makluman
2	<p>AGENDA 2: PROGRAM KEMBALI BERSINAR</p> <p>2.1 Program Kembali bersinar perlu dilaksanakan pada bulan akan datang.</p> <p>2.2 Program ini adalah membina alat bantu mengajar bersama ibu bapa.</p> <p>2.3 Kertas Kerja akan dibentangkan dalam mesyuarat kurikulum akan datang.</p> <p>2.4 Antara tujuan program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang tanggungjawab mereka mengajar anak-anak mereka apabila berada di rumah.</p> <p>2.5 Aktiviti ini berlangsung selama 2 hari.</p>	Cikgu Wilma
3	<p>AGENDA 3: PROGRAM BANTU</p>	Ketua Panitia

	<p>3.1 Program bantu membaca akan dilaksanakan sepanjang tahun kepada murid terpilih. Objektif program ini adalah bertujuan untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca.</p> <p>3.2 Program ini menggunakan bahan modul Bantu Membaca yang dibekalkan oleh sekolah sempana program Bantu Membaca sebelum ini.</p> <p>3.3 Setiap murid akan dibahagikan kepada guru-guru yang mengajar BM tahap 1 dan tahap 2.</p> <p>3.4 Program ini akan dilaksanakan pada waktu yang tidak ditetapkan. Dan bergantung kepada guru tersebut untuk memanggil murid.</p> <p>3.5 Pelaporan akan dibuat oleh guru yang dilantik setiap 3 bulan.(JUN/September/Disember/Februari).</p>	
4	<p>AGENDA 4. PROGRAM SAYA BERSNIAR</p> <p>4.1 Program ini adalah kepada semua murid tahap 1 dan tahap 2.</p> <p>4.2 Program ini adalah berbentuk motivasi supaya murid terlibat secara aktif dalam semua PDPC dalam dan diluar kelas yang dilaksanakan oleh guru-guru BM.</p> <p>4.3 Pemberian kad Bintang kepada murid yang dapat melaksanakan sesuatu tugas atau arahan yang diberikan oleh guru.</p> <p>4.4 Bintang-bintang yang terkumpul(10 bintang) boleh dikembalikan kepada guru dan murid akan menerima saguhati/ sijil daripada sekolah(diserahkan sewaktu perhimpunan).</p> <p>4.5 Kertas kerja akan dibuat bagi program ini.</p>	Ketua Panitia
5	<p>AGANEDA 5. HAL-HAL LAIN</p> <p>5.1 Mewujudkan sudut panitia Bahasa Melayu.</p> <p>5.2 PSO Panitia Bahasa melayu.</p>	Makluman

Disediakan oleh,

Disemak oleh,
